

NO. SOALAN : 131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN] - DAP****SOALAN : 131**

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar dakwaan 16,569 unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) sedang dibina di Pulau Pinang, Jika ya, nyatakan lokasi dan jumlah unit bagi setiap projek. Nyatakan sebab kenapa pembinaan dua projek PRIMA yang telah diluluskan Kerajaan Negeri masih belum dimulakan oleh Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 16,569 unit kediaman PR1MA di Negeri Pulau Pinang. Sebagai permulaan sehingga hari ini, 6 lokasi yang bersesuaian telah dikenal pasti iaitu di kawasan

- 1) Bukit Gelugor;
- 2) Balik Pulau;
- 3) Nibong Tebal
- 4) Permatang Pauh
- 5) Bukit Bendera; dan
- 6) Tasek Gelugor.

Berkat sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebanyak 11,720 unit sedang dalam pembinaan. Ianya termasuklah 2 buah projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di Permatang Pauh dan Batu Ferringhi. Ianya melibatkan 1,520 unit di Batu Ferringhi dan 1,017 unit di Permatang Pauh.

Lokasi lain pembangunan PR1MA yang telah memulakan pembinaan di Pulau Pinang adalah Tasik Gelugor dan Sungai Pinang. PR1MA menjangkakan lebih banyak projek yang akan memulakan pembinaan tidak lama lagi setelah menerima kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Selain itu, PR1MA juga bersedia untuk mengadakan rundingan dan perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan PBT bagi sebarang cadangan lain berkenaan pembangunan PR1MA di Negeri Pulau Pinang.

Sesungguhnya PR1MA akur bahawa hal ehwal tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sama seperti pemaju swasta yang lain, PR1MA juga masih tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru, PR1MA percaya dengan sokongan daripada

Kerajaan Negeri dan PBT terutama sekali Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semestinya pelaksanaan pembangunan PR1MA dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 132

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa tiada tindakan diambil terhadap pihak yang terlibat dalam projek penambakan Projek Aman Laut, Kedah. Adakah laporan Penilai Kesan Alam Sekitar (DEIA) telah dikemuka dan diluluskan. Berapakah kelulusan tambakan yang terlibat dan apakah tindakan yang diambil untuk mengembalikan keadaan asal kawasan yang ditambak berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi Projek Penambakan Aman Laut telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 15 Jun 2017. Projek penambakan tersebut melibatkan kawasan tebusguna tanah seluas 122.90 ekar bagi tujuan pembangunan bercampur yang terdiri daripada kediaman, komersial dan infrastruktur. Laporan EIA tersebut sedang dinilai oleh JAS.

Walau bagaimanapun, JAS mendapati pihak pemaju projek telah menjalankan kerja-kerja tanah bagi tujuan penyediaan laluan masuk ke tapak projek tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Laporan EIA daripada JAS.

Sehubungan itu, JAS sedang melengkapkan kertas siasatan bagi syor tindakan mahkamah di bawah Seksyen 34A(6) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana telah menjalankan kerja-kerja tanah tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Laporan EIA dari JAS.

JAS juga telah mengeluarkan Perintah Berhenti Kerja di bawah Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 2012) kepada pemaju projek pada 15 Mei 2017.

Sekian, terima kasih.